



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPPT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (41)
Tarikh : 22 Disember 2020

SIARAN MEDIA

PERUNTUKAN RM5 JUTA OLEH KPKT BAGI PEMBANGUNAN DI HULU SELANGOR

KUALA KUBU BHARU, 22 Disember 2020 – YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada hari ini telah meluluskan RM5 juta untuk pembangunan di Hulu Selangor.

Kelulusan peruntukan ini adalah bagi inisiatif membaik pulih serta menaik taraf beberapa infrastruktur melibatkan projek-projek untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti setempat.

Antara projek yang terlibat dalam kelulusan peruntukan berjumlah RM5 juta ini adalah seperti berikut :

1. Menaik taraf Taman Awam Jenjarum, Bukit Sentosa;
2. Menaik taraf Dewan Komuniti Serbaguna di Persiaran Seroja;
3. Pembinaan Dewan Terbuka Pusat Komuniti Persatuan Penduduk Anggerik 3, Bukit Sentosa;
4. Pembinaan Jejantas melintasi Persiaran Seroja di antara Masjid Saidina Ali dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Bukit Sentosa 2;
5. Menaik taraf infrastruktur Mini Stadium Kuala Kubu Bharu; dan
6. Menaik taraf *Street Art* Bandar Kuala Kubu Bharu.

Beliau turut mengambil kesempatan ini untuk menyantuni masyarakat dan secara langsung meninjau *Street Art* Bandar Kuala Kubu Bharu yang merupakan salah satu daya tarikan pelancongan di sini.

Di bawah Belanjawan 2021, KPKT turut menerima peruntukan untuk meningkatkan ketersediaan tempat tumpuan pelancong di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dengan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih kemudahan pelancongan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my